

Kesan kejatuhan ringgit perlu ditangani segera

Penganalisis mahu subsidi kekal, tawar rakyat pendidikan sampingan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kelemahan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) ketika ini secara dasarnya dipengaruhi oleh faktor luaran, namun tidak bermakna kerajaan perlu terus berdiam diri tanpa melaksanakan langkah membendung kesan penurunan mata wang tempatan itu kepada rakyat.

Penganalisis kewangan, Prof Madya Dr Baharom Abdul Hamid, berkata kejatuhan ringgit adalah di luar kawalan, tetapi kerajaan harus mengambil langkah segera, terutama ketika pembentangan Bajet 2023, dengan memastikan

MENJELANG BAJET
2023

ada kaedah untuk membantu rakyat dan mengukuhkan mata wang tempatan.

"Pertama, subsidi perlu diteruskan terutama yang perlu seperti subsidi minyak petrol. Ini kerana, terdapat ura-ura menyatakan akan dilaksanakan kembali harga terbuka petrol. Perkara ini kita pernah laksanakan sebelum ini dan kesannya adalah lonjakan harga barang.

"Petrol adalah salah satu sumber utama kepada kebanyakan aktiviti ekonomi," katanya ketika menjadi panel forum *Tiga Soalan Ringgit, Kenapa, Cukupkah, Apa Lagi?* secara maya anjuran Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA).

Program itu turut menampilkan Ketua Ekonomi Buruh, Kementerian Sumber Manusia dan Emiratisasi Emiriah Arab Bersatu

(UAE), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari dan dikendalikan oleh Pensyarah Kanan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman.

Tingkat pembelian domestik

Baharom berkata, kerajaan juga tidak perlu melihat jumlah peruntukan subsidi hampir RM80 bilion tahun ini sebagai bebanan kerana ia perlu diteruskan demi kelangsungan hidup rakyat.

Bajet 2023 juga, katanya perlu memberikan peluang pendidikan secara sampingan seperti kursus jangka pendek bagi membolehkan rakyat bersedia dengan kemahi-

ran lain jika berlakunya krisis serta kegawatan.

Ditanya langkah lain yang perlu dilaksanakan bagi mengukuhkan ringgit, beliau menyatakan bahawa keyakinan terhadap permintaan barangan keluaran tempatan perlu dikembalikan.

"Ini bagi membolehkan rakyat melakukan pembelian domestik yang akan meningkatkan permintaan barang domestik, sekali gus mengukuhkan ringgit. Kerajaan juga perlu menyemak sesuatu insentif yang pernah kita lakukan.

"Berikan insentif tertentu kepada pelabur khususnya dalam sektor teknologi tinggi seperti pengecualian cukai," katanya.

Kejatuhan ringgit adalah di luar kawalan, tetapi kerajaan harus mengambil langkah segera, terutama ketika pembentangan Bajet 2023

Baharom Abdul Hamid,
Penganalisis kewangan

